

Ruj. Kami : MQA.100-1/3/2 (39)

Tarikh : 02 Januari 2025

KEPADA SEMUA PUSAT PENILAIAN APEL (PPA) APEL.A

Tuan/Puan,

SURAT MAKLUMAN MQA BIL. 1/2025

PENETAPAN KADAR CAJ PERMOHONAN BERHUBUNG PENGAKREDITAN PEMBELAJARAN BERDASARKAN PENGALAMAN TERDAHULU BAGI TUJUAN KEMASUKAN (APEL.A):

- I. **PENILAIAN APEL.A BAGI CALON PELAJAR BUKAN WARGANEGARA**
- II. **PENILAIAN ULANGAN UNTUK CALON PELAJAR WARGANEGARA DAN BUKAN WARGANEGARA**
- III. **CAJ PEMROSESAN**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana tuan/puan sedia maklum, Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) telah menetapkan kadar caj permohonan penilaian untuk calon pelajar APEL.A warganegara melalui Surat Makluman MQA Bil. 2/2023 bertarikh 31 Mac 2023. Selaras dengan pelaksanaan *Guidelines to Good Practices (GGP): Accreditation of Prior Experiential Learning for Access (APEL.A) and Accreditation of Prior Experiential Learning for Micro-credentials (APEL.M)* bermula pada 1 Mac 2023 yang turut membuka peluang permohonan kepada calon pelajar berstatus bukan warganegara, terdapat keperluan untuk penetapan **kadar caj permohonan penilaian yang perlu dibayar oleh calon pelajar APEL.A bukan warganegara kepada Pusat Penilaian APEL (PPA) APEL.A.**

3. Selain itu, semenjak tahun 2017, MQA juga telah menetapkan kadar caj permohonan penilaian ulangan (resit) komponen *Aptitude Test*, *Portfolio* dan Temuduga bagi penilaian APEL.A T-3 (Sijil), T-4 (Diploma), T-6 (Ijazah Sarjana Muda) dan T-7 (Sarjana Mod Kerja Kursus dan Campuran). Kadar ini telah disemak semula dan diselaraskan dengan perkembangan peringkat penilaian APEL.A berdasarkan GGP:APEL.A and APEL.M. Sehubungan itu, MQA dengan ini menetapkan **kadar caj baharu untuk permohonan penilaian ulangan yang boleh dikenakan oleh PPA APEL.A ke atas calon pelajar APEL.A warganegara dan bukan warganegara dengan mengambil kira setiap komponen penilaian APEL.A T-3 (Sijil) hingga APEL.A T-8 (Ijazah Kedoktoran).**

4. Dalam hal ini, kadar caj permohonan yang akan dikenakan ke atas calon pelajar APEL.A bagi perkara di perenggan 2 dan 3 di atas **adalah selaras di semua PPA APEL.A** sebagaimana yang ditetapkan dalam surat ini seperti di **Lampiran 1.**

5. PPA APEL.A boleh mengenakan caj permohonan penilaian ulangan tersebut sekiranya permohonan dibuat oleh calon pelajar APEL.A warganegara dan bukan warganegara dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh pemberitahuan keputusan APEL.A. Sekiranya permohonan dikemukakan selepas tempoh yang ditetapkan, PPA APEL.A boleh mengenakan kadar penuh caj permohonan penilaian APEL.A.

6. Selari dengan makluman mengenai Caj Pemprosesan yang telah dinyatakan dalam Surat Makluman MQA Bil. 2/2023 bertarikh 31 Mac 2023, adalah dimaklumkan bahawa setiap permohonan penilaian APEL.A dan permohonan ulangan komponen penilaian APEL.A adalah tertakluk kepada pengenaan Caj Pemprosesan yang perlu dibayar oleh PPA APEL.A kepada MQA berdasarkan status calon pelajar APEL.A seperti berikut:

- 6.1 warganegara : **RM60.00**
- 6.2 bukan warganegara : **RM300.00**

7. **Pelaksanaan pengenaan kadar caj ini adalah berkuat kuasa sepenuhnya bermula pada 02 Januari 2025.** Maklumat mengenai penetapan kadar caj ini boleh dirujuk dalam Portal APEL.A <https://www2.mqa.gov.my/portalapela>.

8. PPA APEL.A dimohon untuk mengambil perhatian yang sewajarnya mengenai penetapan kadar caj tersebut serta mematuhi ketetapan pembayaran dalam usaha menyokong pelaksanaan agenda Pembelajaran Sepanjang Hayat.

Sekian, terima kasih.

“PENDIDIKAN TINGGI BERKUALITI GLOBAL”

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



DATO' PROF. DR. MOHAMMAD SHATAR BIN SABRAN (DIMP, DPMP)

s.k.:

1. Pusat Penilaian APEL
Wawasan Open University (WOU)
54, Jalan Sultan Ahmad Shah
10050 PULAU PINANG
2. Pusat Penilaian APEL
Open University Malaysia (OUM)
Menara OUM, Block C, Kelana Centre Point
Jalan SS7/19, Kelana Jaya
47301 Petaling Jaya
SELANGOR DARUL EHSAN
3. Pusat Penilaian APEL
Universiti Utara Malaysia (UUM)
06010 Sintok
KEDAH DARUL AMAN
4. Pusat Penilaian APEL
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
54100 Jalan Sultan Yahya Petra
KUALA LUMPUR
5. Pusat Penilaian APEL
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
Persiaran Tun Dr. Ismail
86400 Parit Raja
JOHOR DARUL TAKZIM
6. Pusat Penilaian APEL
Universiti Teknologi MARA (UiTM)
40450 Shah Alam
SELANGOR DARUL EHSAN
7. Pusat Penilaian APEL
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)
Kem Sungai Besi
57000 KUALA LUMPUR
8. Pusat Penilaian APEL
Management and Science University (MSU)
University Drive off Persiaran Olahraga, Section 13
40100 Shah Alam
SELANGOR DARUL EHSAN
9. Pusat Penilaian APEL
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)
Lebuhraya Tun Razak
26300 Gambang, Kuantan
PAHANG DARUL MAKMUR

10. Pusat Penilaian APEL
Universiti SEGi
No. 9, Jalan Teknologi, Taman Sains Selangor
Kota Damansara PJU 5
47810 Petaling Jaya
SELANGOR DARUL EHSAN
11. Pusat Penilaian APEL
Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
94300 Kota Samarahan
SARAWAK
12. Pusat Penilaian APEL
Universiti Malaysia Sabah (UMS)
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu
SABAH
13. Pusat Penilaian APEL
Universiti Multimedia (MMU)
Kampus Cyberjaya, Persiaran Cyberjaya
63100 Cyberjaya
SELANGOR DARUL EHSAN
14. Pusat Penilaian APEL
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600 Bangi
SELANGOR DARUL EHSAN
15. Pusat Penilaian APEL
Universiti Geomatika Malaysia (UGM)
Lot 5-5-7, 5th Floor, Wisma Prima Peninsula
Jalan Setiawangsa 11, Taman Setiawangsa
54200 KUALA LUMPUR
16. Pusat Penilaian APEL
Universiti Sains Malaysia (USM)
11800 PULAU PINANG
17. Pusat Penilaian APEL
Kolej Universiti Antarabangsa Spektrum
Unit 13-G, Jalan OP 1/2
One Puchong Business Park
47160 Puchong
SELANGOR DARUL EHSAN
18. Pusat Penilaian APEL
UNITAR International University
Tierra Crest, Jalan SS6/3
Kelana Jaya
47301 Petaling Jaya
SELANGOR DARUL EHSAN

19. Pusat Penilaian APEL
Universiti Malaysia Kelantan
16300 Bachok
KELANTAN
20. Pusat Penilaian APEL
Kolej ASA
No. 6-1, Jalan Bandar Rawang 11
Pusat Bandar Rawang
48000 Rawang
SELANGOR DARUL EHSAN
21. Pusat Penilaian APEL
City University (City U)
Menara City U, No. 8, Jalan 51A/223
46100 Petaling Jaya
SELANGOR DARUL EHSAN
22. Pusat Penilaian APEL
Kolej Universiti SAITO
18, Jalan Tengah
PJ New Town, Seksyen 52
46200 Petaling Jaya
SELANGOR DARUL EHSAN
23. Pusat Penilaian APEL
Universiti Taylor's
No. 1, Jalan Taylor's
47500 Subang Jaya
SELANGOR DARUL EHSAN
24. Pusat Penilaian APEL
Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UniPSAS)
KM 8, Jalan Gambang
25150 Kuantan
PAHANG DARUL MAKMUR
25. Pusat Penilaian APEL
Kolej Antarabangsa Goon
Wisma Eagle Eye
103 Jalan Tun H S Lee
50000 KUALA LUMPUR
26. Pusat Penilaian APEL
University of Cyberjaya (UoC)
Persiaran Bestari, Cyber 11
63000 Cyberjaya
SELANGOR DARUL EHSAN
27. Pusat Penilaian APEL
Sunway University
No. 5, Jalan Universiti, Bandar Sunway
47500 Petaling Jaya
SELANGOR DARUL EHSAN

28. Pusat Penilaian APEL
Kolej Universiti Lincoln
Wisma Lincoln
No. 12-18, Jalan SS 6/12
47301 Petaling Jaya
SELANGOR DARUL EHSAN
29. Pusat Penilaian APEL
Kolej Universiti Veritas
Tingkat G, M, 1 dan 2
No. 14, Jalan Vivekananda
Off Jalan Tun Sambathan
50470 Brickfields
KUALA LUMPUR
30. Pusat Penilaian APEL
Universiti Sultan Azlan Shah (USAS)
Bukit Chandan
33000 Bandar DiRaja Kuala Kangsar
PERAK DARUL RIDZUAN
31. Pusat Penilaian APEL
Universiti Perdana
Suites 5-3, Tingkat 5 dan Suite 9.2 Tingkat 9
Wisma Chase Perdana
Changkat Semantan
Damansara Heights
50490 KUALA LUMPUR
32. Pusat Penilaian APEL
DRB-HICOM University of Automotive Malaysia
Kompleks Automotif DRB-HICOM
Lot 1449, PT 2204
Kawasan Perindustrian Peramu Jaya
26607 Pekan
PAHANG DARUL MAKMUR
33. Pusat Penilaian APEL
Universiti Metropolitan Asia
No.6, Jalan Lembah, Bandar Baru Seri Alam
81750 Masai
JOHOR DARUL TA'ZIM
34. Pusat Penilaian APEL
Politeknik Ungku Omar
Jalan Raja Musa Mahadi
31400 Ipoh
PERAK DARUL RIDZUAN

i. CAJ PERMOHONAN PENILAIAN APEL.A CALON PELAJAR BUKAN WARGANEGARA

TAHAP APEL.A	T-3 (Sijil)	T-4 (Diploma)	T-5 (Diploma Lanjutan)	T-6 (Ijazah Sarjana Muda, Diploma Siswazah & Sijil Siswazah)	T-7 (Sarjana, Diploma Pascasiswazah & Sijil Pascasiswazah)		T-8 (Ijazah Kedoktoran)	
					Kerja Kursus & Campuran	Penyelidikan	Kerja Kursus & Campuran	Penyelidikan
CAJ	USD240	USD240	USD240	USD370	USD560	USD560	USD750	USD750

ii. CAJ PERMOHONAN PENILAIAN ULANGAN UNTUK CALON PELAJAR WARGANEGARA DAN BUKAN WARGANEGARA

Tahap Komponen	T-3 (Sijil)	T-4 (Diploma)	T-5 (Diploma Lanjutan)	T-6 (Ijazah Sarjana Muda, Diploma Siswazah & Sijil Siswazah)	T-7 (Sarjana, Diploma Pascasiswazah & Sijil Pascasiswazah)		T-8 (Ijazah Kedoktoran)	
					Kerja Kursus & Campuran	Penyelidikan	Kerja Kursus & Campuran	Penyelidikan
	(RM) atau (USD)*							
Aptitude Test	155	155	155	180	200			
Portfolio	80	80	80	100	260	260	340	340
Interview								
Research Intent + Presentation						200	300	300

***RUJUKAN:**

- Kadar dalam (RM) adalah untuk calon pelajar APEL.A warganegara
- Kadar dalam (USD) adalah untuk calon pelajar APEL.A bukan warganegara